

# ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



SEPTEMBER 2018





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Tanam semangat cintakan negara kepada pelajar	5 - 6
Program Sua Muka promosi kemajuan kampung	7 - 8
PMB barigakan perkembangan semasa	9 - 10
PMB landasan menyampaikan maklumat kepada masyarakat	11 - 12
PMP tingkatkan hubungan dua hala	13 - 14
Bersiap harungi cabaran capai Wawasan Brunei 2035	15
Aktiviti Program Perkampungan Sivik	16
Tanam nilai-nilai kebersihan peserta program/Peserta Program Perkampungan Sijil terima sijil	17
Jabatan Penerangan kenang peristiwa hijrah	18
Bentuk pelajar sebagai penyebar maklumat positif	19
Tingkatkan pengetahuan pelajar mengenai ASEAN	20
Lindungi keluarga dari gejala dadah dan sosial	21 - 22
Poster Jualan Buku-Buku Terbitan Jabatan Penerangan	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Tanam semangat cintakan negara kepada pelajar

Oleh: Abu Bakar Haji Abd Rahman

Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali/ Mohd. Zul-Izzi Haji Durahman



*DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berkenan berangkat mendengarkan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).*

**J**ERUDONG, Khamis, 20 September. - Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan telah mengadakan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam secara berasingan di beberapa buah sekolah di negara ini sepanjang bulan September.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai dan meningkatkan ketaatsetiaan terhadap Raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan

dan bendera negara.

Pada 20 September, taklimat telah diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong yang berlangsung di Bilik Perkumpulan dengan dihadiri oleh 50 orang penuntut Tahun 7 sekolah tersebut.

Berangkat sama mendengarkan taklimat tersebut ialah anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai Raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Semasa program tersebut diadakan, para penuntut turut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta klip video Aplikasi Mudah Alih 'InfoDeptBN'.



***DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima pesambah dari Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.***



***YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah adalah antara pelajar yang hadir pada Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.***

Terdahulu dari itu pada 18 September, program yang sama juga telah diadakan di Dewan Teater, Sekolah Antarabangsa (ISB).

Antara yang hadir ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kira-kira 70 orang penuntut Tahun 7 dari sekolah tersebut hadir mendengarkan taklimat berkenaan.

## Program Sua Muka promosi kemajuan kampung

Oleh: Abu Bakar Haji Abd Rahman

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah/ Hamzah Mohidin/ Hernie Suliana Haji Othman

### Kampung Long Mayan, Daerah Tutong



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika menyampaikan ucapannya semasa Program Sua Muka di Kampung Long Mayan yang berlangsung di Balai Raya Kampung Long Mayan, Mukim Ukong.

**TUTONG**, Sabtu, 1 September.- Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat selain sebagai platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Dalam masa yang sama, program tersebut juga menjadi landasan bagi membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di Pelita Brunei.

Melalui Program Sua Muka, pihak Jabatan Penerangan telah mengongsikan mengenai garis panduan dan tatacara yang betul bagi pengibaran Bendera Negara

dan penggunaan *banner* di samping memperkenalkan dan membarigakan *mobile apps* 'InfoDeptBN' dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN'.

Melalui *mobile apps* ini, pengguna bolehlah mendapatkan maklumat-maklumat dan berita-berita terkini seperti Pelita Brunei.

Turut dikongsikan bersama para penduduk kampung ialah bagaimana menangani penyebaran berita atau maklumat palsu yang boleh menjejaskan ketenteraman, menimbulkan kekeliruan dan ketakutan kepada orang ramai.

Pada bulan September ini, Program Sua Muka diteruskan lagi dengan kunjungan ke beberapa buah kampung di negara ini iaitu 4 September, Kampung Ukong dan 18 September, di kediaman Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda.

## Kampung Ukong, Daerah Tutong



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mengetuai Program Sua Muka atau dikenali dengan Personal Contact anjuran Jabatan Penerangan yang berlangsung di kediaman Ketua Kampung Ukong, Awang Haji Muhd Nendaroh bin Datu pada 4 September.

## Kampung Belais dan Buda-Buda, Daerah Temburong



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Temburong ketika mengabdikan gambar kenangan semasa bekunjung di rumah Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda Mukim Bokok pada 18 September.



## PMB barigakan perkembangan semasa

Oleh: Abu Bakar Haji Abd Rahman  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Sungai Liang di Kelab Rekreasi Lumut, Liang.*

**B**ELAIT, Rabu, 5 September. - Jabatan Penerangan telah mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Sungai Liang yang diadakan selama dua hari bertempat di Kelab Rekreasi Lumut, Liang sebagai usaha untuk menyampaikan maklumat serta meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan semasa.

Program turut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Awang Haji Mohd. Ibrahim bin Datu Maharaja Setia Dian selaku Pemangku Ketua Kampung Sungai Liang berserta pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Seramai 31 peserta lelaki dan 15 peserta perempuan menyertai program berkenaan terdiri dari penduduk kampung yang sudah bersara dari perkhidmatan, para pengusaha kecil, petani dan belia yang sedang mencari peluang pekerjaan.

Program antara lain bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf

hidup rakyat melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan, dengan harapan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat untuk terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara bagi mencapai Wawasan 2035.

Antara pengisian program selama dua hari tersebut ialah seperti Taklimat 'Wawasan 2035' yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Nazdeny Ardian bin Haji Johan dan taklimat 'Isu berkaitan dengan Keselamatan Jalan Raya dan Sistem Demerit' disampaikan oleh Pegawai Penguatkuasa Kanan, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), Pengiran Khairul Yusra bin Pengiran Haji Md. Yusuf.

Selain itu para peserta turut dibawa melawat ke beberapa buah agensi kerajaan termasuk swasta seperti lawatan ke Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik (BKN), lawatan ke Knowledge Hub Centre (KHub), iCentre dan Job centre serta melawat ke Katimahar Agripark.



**KETUA** Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin berucap ketika pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (kiri). Sebahagian penduduk yang hadir pada program tersebut (kanan).



**PARA** peserta Program Masyarakat Bermaklumat ketika mendengarkan taklimat semasa dibawa melawat ke Biro Kawalan Narkotik (kiri) manakala gambar kanan, sebahagian peserta menyaksikan bahan-bahan pameran dari BKN.



**PARA** peserta Program Masyarakat Bermaklumat turut menambah ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian apabila dibawa melawat ke Katimamar Agripark di Kampung Katimamar.

## PMB landasan menyampaikan maklumat kepada masyarakat

Oleh: Abu Bakar Haji Abd Rahman  
Foto: Haji Ariffin Mohd.Noor / Morshidi



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bergambar ramai bersama masyarakat Kampung Labu Estate dalam Program Masyarakat Bermaklumat.*

**T**EMBURONG, Selasa, 25 September. - Jabatan Penerangan meneruskan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Labu Estate yang diadakan selama dua hari bertempat di Balai Raya Kampung Labu Estate, Mukim Labu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan turut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar; Penghulu dan Ketua Kampung Labu Estate, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Seramai 25 peserta menyertai program berkenaan yang terdiri daripada mereka yang telah bersara dari perkhidmatan dan golongan belia yang sedang mencari pekerjaan.

Program ini merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi

mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Dengan adanya program seumpama ini diharap para peserta akan memperoleh maklumat dan ilmu pengetahuan melalui sesi-sesi taklimat yang dikendalikan penceramah jemputan dari pelbagai agensi, seperti Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan Buruh, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Semasa program berkenaan para peserta juga berpeluang mengikuti lawatan ke RZ Prisma Enterprise, KKP Kilanas, Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak serta Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.



**PENGERUSI** Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Labu Estate, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa berucap pada program tersebut (kiri) sementara Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan cenderahati kepada tetamu kehormat.



**PENGUASA** Kanan Kastam, Awang Hamdi bin Zainal Abiddin (kiri) dan Guru Ugama Terlatih, Awang Azrin bin Haji Jaidi (kanan) semasa menyampaikan taklimat mereka pada program PMB.



**ROMBONGAN** Program Masyarakat Bermaklumat semasa melawat ke Perusahaan RZ Prisme mengenai penanaman sayur yang menggunakan sistem teknologi tinggi.



**PENGURUS** Am, Syarikat Sabli's Food Industri Sdn Bhd, Jasmadi Jamudin semasa menerangkan mengenai salah satu produk yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut.

## PMP tingkatkan hubungan dua hala

Oleh: Abu Bakar Haji Abbd.Rahman

Foto: Hamzah Mohidin/Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan di Mukim Telisai.

**TUTONG**, Selasa, 25 September. - Dalam meningkatkan hubungan baik dua hala antara pihak kerajaan dan penduduk mukim, Jabatan Penerangan telah mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) di dua buah mukim secara berasingan di sepanjang bulan September.

PMP pertama telah diadakan pada 22 September bagi Mukim Bukit Sawat di Daerah Belait yang bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau dan disusuli tiga hari kemudian iaitu pada 25 September, di Mukim Telisai yang bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Bukit Beruang.

Pada program muzakarah yang diadakan bagi Mukim Telisai ianya telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad manakala pada program yang diadakan di Mukim Bukit Sawat telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

PMP adalah bertujuan untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Penyerahan Anak-Anak Kunci Rumah Lambak Kanan Peringkat 1 pada 15 Februari 1992 Masihi.



**SEBAHAGIAN** daripada wakil sektor kerajaan hadir pada program tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Telisai, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit antara yang hadir pada program berkenaan.



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika berucap pada Program Muzakarah Penerangan bagi Mukim Bukit Sawat yang diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau.

PMP yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan, mula diperkenalkan semula setelah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke Sebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015, oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat.

Selaku lidah, mata dan telinga kerajaan program ini juga dihasrat sebagai pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung untuk menyampaikan pandangan atau isu-isu permasalahan yang dihadapi dan pada waktu yang sama untuk mendapat jawapan atau penjelasan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, di samping dapat memperlihatkan betapa sikap prihatin dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli panel program muzakarah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Program seumpama ini dirancang untuk diadakan empat ke lima kali setahun di seluruh negara bermula sejak tahun 2016 dengan harapan akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim.



**PENGHULU** dan Ketua-ketua Kampung Mukim Bukit Sawat semasa hadir pada program tersebut.



**TURUT** dipamerkan pada program tersebut ialah buku-buku yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan.

## Bersiap harungi cabaran capai Wawasan Brunei 2035

Oleh: Abu Bakar Haji Abbd.Rahman  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



*ANTARA peserta yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika berucap pada program tersebut*

**B**ERAKAS, Ahad, 23 September. - Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua bagi Tahun 2018.

Program tersebut merupakan salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta, khususnya lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan, dan seterusnya mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pembukaan Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Seramai 50 peserta menyertai perkampungan tersebut terdiri daripada lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta lepasan ijazah seberang laut iaitu Mesir, United Kingdom, Australia dan Malaysia.

Para peserta akan berkampung selama enam hari lima malam di Perkampungan Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah ini adalah salah satu projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan iaitu 'Komunikasi Bersemuka' selaras dengan visi jabatan iaitu menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1976, program ini bukan sahaja memfokuskan kepada lepasan ijazah seberang laut tetapi juga kepada lepasan ijazah tempatan yang belum bekerja atau yang berminat untuk menjadi pengusaha.

Semasa mengikuti perkampungan ini para peserta akan berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti seperti taklimat dan sesi dialog, membuat lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta perusahaan kecil dan sederhana, sesi percambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti kerja berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan serta kempen kebersihan.



*IBU bapa dan penjaga berserta para peserta yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua di hari pertama.*

## Aktiviti Program Perkampungan Sivik



**PESERTA** Kursus Sivik semasa membuat lawatan ke kawasan penanaman padi Kampung Wasan.



**SALAH** seorang peserta Program Kursus Sivik ketika berinteraksi bersama salah seorang pegawai dari Biro Kawalan Narkotik.



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari semasa sesi dialog bersama peserta Program Kursus Sivik.



**PESERTA** Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah semasa membuat lawatan ke Darussalam Enterprise (Dare).



**PARA** peserta Program Perkampungan Sivik lepasan Ijazah turut dibawa melawat ke Jabatan Istiadat Negara untuk mengetahui lebih lanjut lagi mengenai dengan istiadat negara.



**KERIANGAN** para peserta semasa menghadiri Sesi Taklimat dari Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri yang bertajuk Jenayah Siber, Risiko dan Bahaya Media Sosial .



## Tanam nilai-nilai kebersihan peserta program

Teks dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September. - Para peserta Program Perkampungan Sivik mengadakan Kempen Kebersihan di Kawasan Letak Kereta Mukim Tamoi di sini.

Turut serta dalam kempen tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Kempen tersebut merupakan salah satu pengisian program dan turut dibantu oleh Jabatan Bandaran dan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRe).

*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mengetahui kempen tersebut (atas kiri) manakala sebahagian peserta program diberi penerangan sebelum kempen bermula (kiri).*



## Peserta Program Perkampungan Sijil terima sijil



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar bersama peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua, 2018 seurus Majlis Penyampaian Sijil.*

Teks dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani

**S**UNGAI KEBUN, Khamis, 27 September. - Para Peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua bagi tahun 2018 menerima sijil masing-masing selepas mengikuti program tersebut yang bermula sejak 23 September lepas di Bilik Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Sijil disampaikan oleh Pemangku Pengarah

Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerangan dalam Sesi Dialog bersama para peserta sempat mengongsikan pelbagai pengalaman di samping menghuraikan ciri-ciri untuk menjadi seorang warga perkhidmatan awam yang baik dan berguna.

## Jabatan Penerangan kenang peristiwa hijrah

**Teks dan Foto: Abu Bakar Haji Abd.Rahman**



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menunaikan Sembahyang Fardhu Asar berjemaah (kiri). Manakala gambar kanan ialah ceramah hijrah yang di sampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis tersebut.

**B**ERAKAS, Isnin, 24 September.- Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah yang diadakan di Surau Jabatan Penerangan di sini.

Hadir sama ke majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Asar berjemaah yang diimamkan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin selaku penceramah undangan.

Pengiran Haji Reduan dalam ceramahnya yang bertajuk 'Hijrah membentuk khaira ummah' antara lain mengimbas kembali peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang telah berlaku lebih 1400 tahun.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban bagi menyambut kepulangan jemaah haji Jabatan Penerangan.

## Bentuk pelajar sebagai penyebar maklumat positif

Oleh: Abu Bakar Haji Abd.Rahman/ Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampung Sungai Kebun.

**SUNGAI KEBUN**, Rabu, 19 September. - Rakan Remaja Penerangan (RRP) kelolaan Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan merupakan program persembahan khusus bagi peringkat remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa.

Objektif program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka. Selain itu, untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Sehubungan itu pada 19 September, program tersebut diteruskan ke Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampung Sungai Kebun dengan dihadiri oleh pelajar Tahun 9 dan 10 seramai 277 pelajar.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



**SEBAHAGIAN** pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun semasa hadir pada program tersebut.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

## Tingkatkan pengetahuan pelajar mengenai ASEAN

Oleh: Abu Bakar Haji Abd.Rahman  
Foto: Azmah Ahad/ Noraisah Muhammed

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 September. - Jerayawara Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEANCOCI adalah untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini.

Jerayawara ini menyasarkan kepada golongan belia kerana mereka merupakan pewaris kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini iaitu dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik sebagai satu masyarakat ASEAN,



**PEGAWAI** Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim semasa menyampaikan taklimat di Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri pada 4 September lalu.



**KETUA** Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim ketika menguji pelajar dalam sesi Kuiz ASEAN yang diadakan di Sekolah St. James pada 22 September.

selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (*One Vision, One Identity, One Community*).

Pada bulan ini sebanyak dua buah sekolah telah menjadi sasaran kepada jerayawara ini iaitu Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SM NLP). Program yang diadakan pada 4 September itu dihadiri oleh 36 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 manakala jerayawara kedua telah diadakan pada 22 September di Sekolah St. James, Kuala Belait dan dihadiri oleh 36 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan.

Tujuan jerayawara ini adalah untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Ianya juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

## Lindungi keluarga dari gejala dadah dan sosial

Oleh: Abu Bakar Haji Abd.Rahman  
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/ Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin/  
Noraisah Muhammed/ Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**S**ENKURONG, Rabu, 5 September.- Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Program Awasi Anak Kitani yang bertujuan menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Ini kerana ibu bapa juga memainkan peranan penting untuk mengawasi anak masing-masing agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Program ini menjurus kepada menyokong salah satu objektif Jabatan Penerangan iaitu menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar rakyat dan penduduk memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat dan pameran.

Semasa program ini diadakan berbagai agensi kerajaan dan sektor swasta diundang dalam sama-sama mengongsikan maklumat berguna seperti Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd.

Sepanjang bulan September ini Jabatan Penerangan telah mengadakan beberapa jerayawara seperti di Mukim Sengkurong, Mukim Belait, Mukim Kiudang dan Mukim Mentiri.

Sepanjang program diadakan ia juga turut diisikan dengan sesi soal jawab kepada para peserta yang hadir selain disajikan dengan berbagai pameran.

### Program Awasi Anak Kitani di Mukim Sengkurong



**PENGHULU** Mukim Sengkurong Awang Haji Musa bin Haji Tahir @ Haji Siti hadir selaku tetamu kehormat majlis pada program tersebut.



**PAMERAN** Biro Kawalan Narkotik turut menjadi tarikan perhatian penduduk Mukim Sengkurong.

## Program Awasi Anak Kitani di Mukim Belait



*SALAH* seorang penduduk Mukim Belait semasa mengajukan pertanyaan pada program tersebut.



Penghulu Mukim Kuala Belait/Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait, Awang Haji Pungut bin Ali hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

## Program Awasi Anak Kitani di Mukim Kiudang



Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Rahim bin Abdullah Yakın hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani.



Bahan-bahan buku terbitan Jabatan Penerangan turut menarik perhatian peserta Program Awasi Anak Kitani.

## Program Awasi Anak Kitani di Mukim Mentiri



PEGAWAI Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhtaddir, selaku Pengerusi Program semasa berucap pada program tersebut.



Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Haji Abdul Rahman bin Haji Naim hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani.



# جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

**DAPATKAN  
SEKARANG!**

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

### Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

**TITAH - TITAH**

KUMPULAN TITAH KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN TANG DE PERUTAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
**2016**

### HIMPUNAN TITAH

Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00

**SABDA**

KUMPULAN SABDA  
DULI YANG TERBANYAK MELAKA  
PADUKA SERI PEMOHAN MUDA MAHKOTA  
PENYUNAN MELAKA MAJALIS AL-MUTAMAKIN BELAJAR,  
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI  
TARIKH 2016

### HIMPUNAN SABDA

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00

كوشيلاسي سيدا انكاندا  
KOMPILASI SABDA ANAKANDA

KOMPILASI SABDA ANAKANDA  
BERKANDI BEI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BACINDA  
SULTAN MELAKA MAJALIS AL-MUTAMAKIN BELAJAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
2011 - 2016

### KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016

Harga  
**\$3.50**

هالوان  
HALUAN

Ucapan Menteri-Menteri Kabinet  
dan Timbalan-Timbalan Menteri  
2015 / 2016

### HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50

بروني دارالسلام نكاركو  
BRUNEI DARUSSALAM  
NEGARAKU  
2015 - 2016

Harga  
**\$11.50**

### BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016

توتونغ ديستريكت  
TUTONG DISTRICT

تيمبورونغ ديستريكت  
TEMBURONG DISTRICT

Harga  
**\$3.50**

TUTONG  
DISTRICT

TEMBURONG  
DISTRICT

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

### CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

### CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Layari ePaper  
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**